

Nama:

Kelas:

Arahan: **Baca dan fahami halaman 122** (*Meluncur Tinggi*) buku teks terlebih dahulu sebelum menjawab soalan-soalan yang disediakan.

a) Lengkapkan **draf karangan** di bawah dan **hasilkan karangan** menggunakan buku tulis.

Laporan Pertandingan Roket Air

Pada 22 hingga 23 Jun 2021 yang lalu, telah berlangsung Pertandingan Roket Air Peringkat Negeri Melaka di Sekolah Kebangsaan Seri Makmur. Seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam acara ini. Objektif acara ini adalah untuk memberikan ilmu sains dan teknologi, khususnya bidang sains angkasa, kepada murid. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan, iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

Aktiviti bagi kategori pertama ialah oleh kumpulan-kumpulan peserta. Setiap pembentangan kumpulan mengambil masa selama 10 minit. Juri-juri pertandingan membuat terhadap kemahiran pembentangan, bersoal jawab, kefahaman hukum sains, kreativiti dan inovasi para peserta.

Seterusnya, peserta ke kawasan padang bagi kategori kedua, iaitu roket air sasaran. Dalam acara ini, peserta perlu tanda jarak 80 meter dari tapak pelancaran. Para peserta juga perlu memeriksa paras air, tekanan udara, sudut pelancaran roket sebelum membuat peluncuran. markah setiap peserta berdasarkan jarak luncuran. Penonton yang berada di padang kelihatan amat melihat roket setiap peserta.

Acara terakhir ialah roket air payung terjun iaitu dalam kategori . Peserta menggunakan telur 60 gram sebagai beban roket masing-masing. Juri membuat penilaian dengan merujuk catatan di udara yang paling lama. Setiap kumpulan perlu memeriksa paras air dan tekanan udara sebelum melancarkan roket mereka.

Sebelum berakhir, majlis penyampaian hadiah telah diadakan. Keputusan para pemenang diumumkan. Bakat peserta terserlah melalui pertandingan ini. Pertandingan tersebut telah berlangsung dengan jayanya.

Laporan disediakan oleh,

Shu Fen

(SHU FEN)
Setiausaha,
Kelab Sains,
Sekolah Kebangsaan Seri Makmur.